

PERBADANAN PUTRAJAYA
SOALAN LAZIM PENGGUNAAN SISTEM TEMPAHAN PENGGAMBARAN

1. Bagaimanakah untuk memohon penggambaran di Putrajaya?

- Semua permohonan perlu dikemukakan melalui sistem atas talian di portal rasmi Perbadanan Putrajaya: www.ppj.gov.my – Sistem Permohonan Tempahan – Sistem Permohonan Penggambaran <https://penggambaran.ppj.gov.my/>
- Pemohon perlu mendaftar “ID Pengguna” dan “Kata Laluan” sebelum mengisi maklumat yang diperlukan

2. Sekiranya terlupa kata laluan, bagaimanakah cara untuk menyemak tempahan yang telah dibuat sebelum ini?

- Hanya perlu ke ‘Daftar Masuk’ dan ‘Reset’ semula di ‘Lupa Kata Laluan’. Notifikasi akan dihantar melalui emel yang didaftarkan.

3. Berapa lama tempoh untuk memohon sesuatu penggambaran?

- Permohonan perlu dikemukakan 21 hari sebelum tarikh penggambaran

4. Berapa lama masa yang diambil untuk memproses sesuatu kelulusan penggambaran?

- 14 hari setelah semua dokumen lengkap dan mematuhi syarat yang telah ditetapkan.

5. Bagaimana untuk menyemak kekosongan tarikh, tapak dan kadar harga?

- Hanya ke Halaman Utama Sistem Permohonan Penggambaran (SPP) dan masukan tarikh dan lokasi yang dipilih. Sistem akan menolak permohonan pada tarikh atau lokasi yang telah ditempah (tiada kekosongan).

6. Bagaimanakah untuk mengetahui status permohonan (Lulus atau Gagal)?

- Pemohon boleh menyemak status melalui Sistem Permohonan Penggambaran (SPP) dengan pergi ke ‘Tempahan Saya’.
- Keputusan melalui notifikasi emel akan dihantar kepada pemohon setelah permohonan dibawa ke Jawatankuasa Kelulusan Acara Perbadanan Putrajaya (JKA-PPj)
- Pengesahan penggambaran hanya sah setelah bayaran dibuat mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam “Surat Kelulusan Penggambaran”.

7. Bagaimanakah cara untuk kemaskini permohonan jika ada penukaran tarikh atau lokasi sekiranya maklumat permohonan telah di hantar?

- Sebarang penukaran maklumat permohonan acara hanya boleh diakses oleh Bahagian Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya setelah pemohon menekan butang “Hantar”, atau
- Pemohon membatalkan permohonan dengan menekan butang “Batal”

8. Berapa lama tempahan permohonan akan tersimpan di dalam Sistem Permohonan Penggambaran (SPP)?

- Rekod akan disimpan sehingga status permohonan selesai dan penggambaran tamat dengan proses pemulangan wang deposit selesai.

9. Apakah dokumen yang perlu disediakan untuk memuat naik permohonan acara?

- Maksimum saiz dokumen 10 MB dan format dokument PDF sahaja yang dibenarkan untuk dimuat naik iaitu:
- Surat iringan permohonan
- Jalan cerita (Story line), sinopsis dan skrip penggambaran
- Gambar lokasi penggambaran dan peta
- Jadual penggambaran
- Lain-lain maklumat yang boleh menyokong permohonan

10. Bagaimanakah caj penggambaran ditentukan?

- Kawasan Platinum (Presint 1, 2, 3 & 4)
- RM10,000 sehari - Drama/filem
- RM3,000 sehari - Fotografi (komersial/majalah, dll)
- RM5,000 sehari - Dokumentari/iklan/klip video/lagu
- RM5,000 deposit (untuk satu permohonan)

11. Bagaimanakah cara untuk menuntut kembali caj deposit penggambaran?

- Isi borang dan kemukakan resit asal pembayaran
- Sekiranya resit asal hilang: Salinan resit perlu mendapat pengesahan dari mana-mana Pesuruhjaya Sumpah yang berdaftar Salinan resit boleh diperolehi di Kaunter Khidmat Pelanggan Perbadanan Putrajaya

12. Adakah permohonan ini termasuk penggambaran menggunakan dron atau Unmanned Aerial Vehicle (UAV)?

- Penggambaran menggunakan dron/UAV adalah tidak dibenarkan kerana Putrajaya merupakan ‘Zon Larangan Terbang’
- Penggunaan dron/UAV hanya dibenarkan untuk tujuan pemantauan, penyelenggaraan, kecemasan, keselamatan dan untuk perkara berkaitan kepentingan negara sahaja.

13. Sekiranya ada sebarang masalah atau pertanyaan lanjut dengan siapakah perlu dihubungi?

- Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
- i. Pn. Izza Nina binti Hazmi @ Hajemi (Tel: 03-8887 7615, Emel: izza.nina@ppj.gov.my)
- ii. Pn. Nazhatul Shima binti Kamaruddin (Tel: 03-8887 7033, Emel: shima@ppj.gov.my)
- iii. Pn. Farziliyatul Ashmar binti Izahar (Tel: 03-8887 7583, Emel: ashmar@ppj.gov.my)